# BAB 8: MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

## Bahagian A: Soalan Objektif

1. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun.
Apakah tujuan DEB dilaksanakan?
ms 168
A memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat
B mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum
C menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.
D memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi

2. Apakah tujuan Majlis Perundingan Negara (MAPEN) ditubuhkan pada bulan Januari 1970?
ms 166
A Memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat
B Memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat
C Membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan
D Memperkasakan peranan agensi kerajaan

3. Ucapan berikut adalah dari seorang tokoh ketika pelancaran DEB.

| |
|---|
| DEB bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan memberi peluang kepada rakyat menikmati kemakmuran negara dengan adil dan saksama |

Siapakah tokoh tersebut?
ms 167
A Tun Saadon bin Jubir
B Tun Abdul Razak Hussein
C Tunku Abdul Rahman Putra
D Tun Dr. Ismail Abdul Rahman

4. Antara isu yang wujud ketika Dasar Ekonomi Baru dilancarkan ialah
ms 167
A pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi
B memperkasakan peranan agensi kerajaan
C kerjasama antara kaum dan integrasi nasional
D Jurang sosioekonomi antara negeri.

5. Antara langkah yang dilaksanakan sebagai usaha membasmi kemiskinan dalam DEB ialah
ms 168
I. menyediakan peluang pekerjaan
II. menambah pendapatan petani
III. pemilikan modal saham
IV. pembangunan wilayah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6. Apakah program yang dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar?
ms 168
A program rumah murah
B bekalan air dan elektrik
C penerokaan tanah baharu
D Rancangan Buku Hijau

7. Apakah yang disediakan oleh kerajaan untuk penduduk kemiskinan dan berpendapatan rendah di bandar?
ms 168
I. program rumah murah
II. kemudahan kredit
III. khidmat nasihat
IV. bantuan biasiswa
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8. Matlamat Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein bertujuan
ms 169
A memberi bantuan biji benih dan tanaman
B menambahkan pendapatan rakyat
C memasarkan hasil pertanian petani
D memberi bantuan pinjaman dan khidmat nasihat

9. Lembaga Pertubuhan Peladang ditubuhkan bertujuan membantu pekebun kecil, petani dan peladang yang terlibat dalam kegiatan
ms 169
A perladangan
B pemasaran
C koperasi
D pertanian



LIVEWORKSHEETS